

Tuah di Bumi Permata

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Pilih ayat-ayat yang betul.

- | | |
|--|--|
| <p>1 I Buah tembikai mempunyai kandungan nutrisi yang tinggi dan sangat baik sekali untuk kesihatan.
II Penggunaan baja kompos menjadi alternatif untuk menggantikan baja kimia.
III Pengembala kambing itu sangat sedih apabila kambing-kambingnya mati akibat keracunan makanan.
IV Pada zaman pascamerdeka ini, negara kita sudah mencapai banyak kejayaan terutamanya dalam bidang ekonomi.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja</p> | <p>2 I Pak Kasim menggunakan pembajak untuk meningkat pengeluaran padinya.
II Alif sangat gembira bila saya mengajaknya memancing bersama-sama pada hari esok.
III Setiap hari Puan Maria akan menyiram dan membaja pokok-pokok bunganya agar sentiasa segar dan berbunga lebat.
IV Encik Goh menembak tupai yang merosakkan buah-buahan di dusunnya dengan menggunakan selaras senapang.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja</p> |
|--|--|

Bahagian B

Tukarkan ayat susunan songsang di bawah kepada ayat susunan biasa.

- 1 Dikunjungi oleh orang ramai pasar tani itu.

- 2 Masih panas nasi yang ditanak oleh ibu.

- 3 Pada malam ini hujan renyai-renyai turun.

- 4 Dengan berkebun di belakang rumah, Arwa dapat mengisi masa lapangnya.

- 5 Mengharapkan balasan daripada pertolongan yang diberikan tidak seharusnya kita.

- 6 Ibu dan ayah amat gemar berkebun untuk mengisi masa lapang.
